



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
 Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
 Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
 Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---



**UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

**PROGRAM USAHAWAN MUDA KOTA WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

Di bawah Inisiatif Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi-agensi di bawahnya telah memperkenalkan pelbagai program serta produk bagi membantu warga Wilayah Persekutuan. Salah satunya adalah **Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota Wilayah Persekutuan** yang dibangunkan di bawah **Cakna Keusahawanan** bagi membantu anak-anak belia kota yang terjejas dan kehilangan punca pendapatan akibat pandemik Covid-19.

Sehingga 11 Mac 2021, sebanyak **319 lot niaga** Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota telah ditawarkan di Wilayah Persekutuan di mana **64 daripadanya adalah bagi Putrajaya** menerusi lot niaga di bawah Perbadanan Putrajaya (PPj).

Bagi perlaksanaan Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota di Putrajaya, **sasaran sebanyak 118 lot niaga secara keseluruhan disediakan kepada anak-anak belia Putrajaya** yang telah bermula sejak November 2020. Sebanyak **64 lot niaga yang telah ditawarkan** adalah seperti berikut;

- i. **30 lot niaga di Tapak Niaga Belia di Hot Spot Presint 14**
- ii. **5 lot niaga Food Truck di Hot Spot Presint 14**
- iii. **4 lot niaga Kios Merah di Persiaran Perdana, Presint 2**
- iv. **1 lot niaga Kios 8B di Persiaran Perdana, Presint 3**
- v. **12 unit push cart di Dataran Wawasan, Presint 2**
- vi. **12 unit gerai Akie Burger di pelbagai presint.**

Sementara itu, sebanyak **22 lot niaga Walk Bazar di Nadi@15, Presint 15** akan dibuka pada April 2021 dan **10 lagi lot niaga** dibuka pada Mei 2021. Manakala sebanyak **65 lot niaga** sedang dalam perancangan dan pembinaan meliputi pelbagai lokasi iaitu;

- i. 8 unit Kios Presint 6 dan Dataran Putra, Presint 1
- ii. 7 unit di Putrajaya Sentral, Presint 7
- iii. 5 unit di Kompleks Kejiranan Presint 14
- iv. 4 unit di Kompleks Kejiranan Presint 18
- v. 4 unit di Kompleks Kejiranan Presint 5
- vi. 5 unit di Medan Selera Baharu Presint 8
- vii. 6 unit di Residensi Presint 19
- viii. 3 unit Costa Coffee (*drive thru* dan *foodtruck*)
- ix. 23 unit di bawah Yayasan WP (21 unit di Box Park Presint 14, 1 kios UMK dan 2 kios Laman Duta)

Penambahan selain daripada keseluruhan 118 lot niaga Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota Putrajaya yang disasarkan ini juga akan dibuat dari masa ke semasa berdasarkan kesesuaian lokasi strategik lain yang akan dikenalpasti oleh PPj.

Sejak diumumkan pada Julai 2020, program Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota Putrajaya telah menerima sambutan yang sangat memberangsangkan bukan sahaja daripada warga Wilayah Persekutuan Putrajaya tetapi juga dari kawasan berhampiran, namun keutamaan diberikan kepada warga Putrajaya khususnya golongan belia yang berusia 18 hingga 35 tahun dan kepada mereka yang hilang perkerjaan dan aktiviti perniagaan akibat kesan pandemik Covid-19.

Bagi mengurangkan masalah bebanan sewaan lot niaga akibat kekurangan pelanggan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, saya telah mengarahkan PPj untuk mempertimbangkan **pengecualian atau pengurangan sewaan sehingga 50 peratus bagi tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan** bergantung kepada jenis dan premis perniagaan serta kadar sewaan yang mana ianya telahpun dilaksanakan.

Saya berkesempatan untuk membuat tinjauan salah satu lot niaga Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota Putrajaya iaitu Kios Merah di Persiaran Perdana, Presint 2 pada hari ini untuk beramah mesra dan melihat sendiri perniagaan salah seorang pengusaha yang turut mendapat pengecualian sewaan sebanyak 50 peratus bagi tempoh enam (6) bulan bermula Januari hingga Julai 2021.

Saya amat berharap pelaksanaan program ini **dapat melahirkan lebih ramai usahawan muda di lokasi yang strategik sekitar Wilayah Persekutuan di samping memperkasakan usahawan mikro untuk lebih berdaya saing dalam menghadapi norma baru**.

**TAN SRI TPr HJ ANNUAR MUSA**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**13 Mac 2021**